Pendakwa Raya lwn Karthiselvam a/l Vengatan

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO MT(3) 45–17 TAHUN 2007
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
1 FEBRUARY 2008

Kanun Keseksaan (Malaysia) — s 304(a) — Homisid salah tak terjumlah membunuh — Taksiran hukuman

Prosedur Jenayah — Hukuman — Homisid salah tak terjumlah membunuh — Taksiran hukuman — Sama ada kepentingan awam dan prinsip berpadan/kesetimpalan dalam penghukuman diambilkira — Sama ada pengakuan bersalah diambilkira — Sama ada hukuman 'just and appropriate'

Orang kena tuduh ('OKT') telah dituduh dengan satu pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') kerana menyebabkan kematian seorang mangsa. OKT telah telah membuat pengakuan bersalah kepada pertuduhan pilihan tersebut dan memahami sifat dan akibat pengakuan beliau. Pengakuan bersalah OKT telah disahkan oleh peguambelanya sendiri. Peguam OKT telah mengemukakan beberapa faktor untuk meringankan hukuman manakala timbalan pendakwa raya ('TPR') telah memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang berat berdasarkan faktor-faktor pemberatan hukuman.

Diputuskan, menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun berkuatkuasa dari tarikh tangkap:

(1) Mahkamah mempunyai budi bicara untuk memutuskan, dalam lingkungan hukuman maksimum untuk sesuatu kesalahan, hukuman yang sesuai untuk setiap penjenayah dalam setiap keadaan kes tertentu. Mahkamah juga mempunyai hak untuk sama ada bertindak secara lembut atau tegas (lihat perenggan 13).

(2) Suatu perkara yang berkait rapat dengan pelaksanaan budi bicara kehakiman dalam menjatuhkan hukuman ialah terdapatnya keanjalan (flexibility) untuk menjatuhkan hukuman yang sesuai berdasarkan kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes (lihat perenggan 14); *Public Prosecutor v Jesicca Lim Lu Ping & Anor* [2004] MLJU 159; [2004] 2 CLJ 763 dirujuk.

(3) Secara umumnya, duluan (precedent) tidak memainkan peranan yang penting dalam penghukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah. Walaupun keputusan-keputusan mahkamah terdahulu mengenai hukuman tidak mengikat, namun keputusan-keputusan tersebut boleh dijadikan panduan bagi mewujudkan kekonsistenan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah-mahkamah terkemudian bagi kesalahan berkenaan. Ketidakseimbangan hukuman (disparity in sentences) akan membawa kesan yang tidak baik dan boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap pentadbiran keadilan jenayah di negara ini. Hukuman yang diputuskan oleh kes-kes terdahulu juga boleh dijadikan panduan untuk menentukan trend polisi penghukuman (lihat perenggan 16).

(4) Di dalam kes ini, kesalahan dilakukan pada 6 Mac 2005. Walaupun hukuman penjara bagi kesalahan di bawah s 304(a) Kanun tersebut telahpun ditambahkan dari 20 tahun kepada 30 tahun melalui Akta A1210 yang berkuatkuasa pada 6 Mac 2007, pindaan ini tidak boleh berkuatkuasa kebelakang (retrospective in operation) kerana perkara 7(1) Perlembagaan Persekutuan (lihat perenggan 21).

(5) Di dalam kes ini, hukuman 13 tahun penjara yang dikenakan ke atas OKT nampaknya termasuk dalam kategori kes-kes terdahulu, di mana hukuman penjara yang lebih berat dikenakan bagi kesalahan di bawah s 304(a) Kanun tersebut berbanding dengan hukuman antara lapan hingga sepuluh tahun. Mengambilkira kepentingan awam dan prinsip berpadanan/kesetimpalan dalam penghukuman, hukuman yang telah dijatuhkan di dalam kes ini tidak terlalu berat atau ringan tetapi sesungguhnya berpadanan/setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan. Dengan perkataan lain, hukuman tersebut adalah 'just and appropriate' dalam keadaan dan fakta kes ini (lihat perenggan 25).

(6) Dalam kes ini, OKT telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun tersebut yang membawa hukuman penjara 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda. Kesalahan yang dilakukan oleh OKT adalah serius. Namun demikian, mahkamah tetap juga mengambilkira faktor-faktor pengakuan bersalah OKT kerana tidak terdapat apa-apa alasan yang kukuh untuk menafikan OKT faedah tersebut. Tambahan pula, adalah menjadi polisi mahkamah untuk menggalakkan orang yang dituduh yang melakukan kesalahan, membuat pengakuan bersalah bagi menjimatkan masa dan kos semua pihak yang terlibat di dalam kes ini terutama saksi-saksi. Kredit dan diskaun ini akan diberi walaupun terhadap penjenayah yang tegar dan tidak berhati perut sekalipun mahkamah telah juga menerima bahawa OKT sebagai pesalah pertama patut menerima pengurangan hukuman bagi kesalahan (lihat perenggan 25); *Public Prosecutor v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74 dirujuk.

(7) Walaupun TPR menghujahkan bahawa hukuman yang memberi kesan pencegahan dan berat perlu dikenakan ke atas OKT kerana kesalahan bunuh adalah berleluasa di Negeri Johor, tidak ada apa-apa perangkaan, keterangan atau penyelidikan yang dikemukakan bagi menyokong pernyataan tersebut. Adalah tidak selamat dan wajar untuk menjatuhkan sesuatu hukuman yang lebih berat ke atas seseorang pesalah dengan semata-mata bergantung kepada fakta atau pernyataan yang tidak dibuktikan atau tidak mempunyai asas tertentu bagi menentukan kesahihannya (lihat perenggan 26).

[English summary

The accused was charged with an alternative charge under s 304(a) of the Penal Code ('the Code') for causing the death of a victim. The accused pleaded guilty to the alternative charge and understood the nature and consequences of his plea. The guilty plea of the accused was acknowledged by his own defence counsel. In mitigation, defence counsel submitted a few factors whereas the deputy public prosecutor ('DPP') applied for a heavy sentence based on factors giving rise to a heavier sentence.

Held, sentencing the accused to 13 years' imprisonment from the date of arrest:

(1) The court has a discretion in deciding, within the scope of maximum sentence for a particular offence, the appropriate punishment for each offender in each particular circumstances of the case. The court also had the right whether to act in a soft or strict manner (see para 13).

(2) A matter closely related to the exercise of judicial discretion in sentencing was the flexibility in the appropriate sentence to be passed based on the facts and circumstances existing in a particular case (see para 14); *Public Prosecutor v Jesicca Lim Lu Ping & Anor* [2004] MLJU 159; [2004] 2 CLJ 763 referred.

(3) In general, precedent does not play an important role in sentences passed by the court. Although the decisions by the earlier court on sentences was not binding, however the said decisions could be used as a guide to create consistency in sentences by the earlier courts for the said offence. The disparity in sentences would bring about a negative effect and affect the public confidence in the administration of criminal justice in this country. The sentences meted out by the earlier cases could also be used as a guide to determine the trend of sentencing policy (see para 16).

(4) In the instant case, the offence was committed on 6 March 2005. Even though imprisonment for an offence under s 304(a) of the Code was increased from 20 years to 30 years vide Act A1210 with effect from 6 March 2007, the amendment was not retrospective in operation because of art 7(1) of the Federal Constitution (see para 21).

(5) In this instant case, the sentence of 13 years imprisonment imposed on the accused appeared to be within the category of precedents, where a heavier sentence was imposed for offences under s 304(a) of the Code as compared to sentences between eight to ten years. In taking into account public interest and the principles of just/appropriate sentence, the sentence imposed in this case was not too heavy or light but was just/appropriate with the offence committed. In other words, the sentence was just and appropriate in the circumstances and facts of this case (see para 25).

(6) In this case, the accused was charged under s 304(a) of the Code which carries 20 years imprisonment and could also be fined. The offence committed by the accused was serious. Nevertheless, the court took the factors of the accused's plea of guilt into account as there was no strong grounds to deny the accused the said benefit. Moreover it had been the court's policy to encourage people who were charged with offences to plea guilty in order to save time and costs of all the parties involved in the case especially the witnesses. This credit and discount would be given even though for a hardened and unconscionable criminal, the court had accepted that the accused as a first offender ought to receive a reduced sentence for his offence (see para 25); *Public Prosecutor v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74 referred.

(7) Although the DPP had submitted that a heavy and deterrent sentence should be imposed on the accused as the offence of killing was rampant in the State of Johor, there were no statistic, evidence or research exhibited to support the said statement. It was not safe or proper to pass a heavier sentence on a criminal by just relying on the facts or statements not proven or had no particular basis to determine its validity (see para 26).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai faktor-faktor peringanan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan-perenggan 3804–3836.

Untuk kes-kes mengenai homisid salah tak terjumlah membunuh, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan-perenggan 3556–3560.

Cases referred to

Ganesan a/l Nachiappan & Ors v PP [2000] 3 MLJ 244 (dirujuk)

Lee Chow Meng v PP [1976] 1 MLJ 287 (dirujuk)

Leken @ Delem ak Gerik (M) v PP [2007] 3 MLJ 730 (dirujuk)
Mohammed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)
New Tuck Shen v PP [1982] 1 MLJ 27 (dirujuk)
Ong Lai Kim v PP and other appeals [1991] 3 MLJ 111 (dirujuk)
PP v Chan Akau [2000] 4 MLJ 471 (dirujuk)
PP v Darmalingam [1987] 2 MLJ 519 (dirujuk)
PP v Jesicca Lim Lu Ping & Anor [2004] MLJU 159; [2004] 2 CLJ 763 (refd)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mohamed Ismail [1984] 2 MLJ 219 (dirujuk)
PP v Muhamad Abdul Rahim bin Adnan & Anor [2007] MLJU 519; [2007] 9 CLJ 672 (dirujuk)
PP v Mustapha bin Abdullah [1997] 2 MLJ 424 (dirujuk)
PP v Nazarudin bin Ahmad & Ors [1993] 2 MLJ 9 (dirujuk)
PP v Rajandran & Anor [1985] 2 MLJ 260 (dirujuk)
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45 (dirujuk)
PP v Soh Soo Yang & Anor [2001] 5 MLJ 356 (dirujuk)
PP v Sulaiman bin Ahmad [1993] 1 MLJ 74 (dirujuk)
PP v Tai You Choy [1982] CLJ 687 (Rep) (dirujuk)
PP v Tia Ah Leng [2000] 5 MLJ 401 (dirujuk)
PP v Wong Wei Choon [2007] MLJU 164 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Abdul Rani bin Abdul Talib [2002] 6 MLJ 305 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Che Hassan bin Senawai [2005] 7 MLJ 357 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Noor Hafidah Yeop Mat Isa dan lain-lain [2007] 4 MLJ 478 (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai [2000] 6 MLJ 622 (dirujuk)
R v Ambler [1976] Crim LR 266 (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App R 164 (dirujuk)
R v Smith [1975] Crim LR 468 (dirujuk)
Raja Izzuddin Shah v PP [1979] 1 MLJ 270 (dirujuk)
Rex v Leo De Cruz [1935] MLJ 1 (dirujuk)
Rex v Teo Cheng Lian [1949] MLJ 170 (dirujuk)
Sharon Elizabeth Costen (1989) 11 Cr App R(S) 182 (dirujuk)
Soong Hee Sin v PP [2001] 2 SLR 253 (dirujuk)

Legislation referred to

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)
Kanun Keseksaan ss 302, 304(a)
Perlembagaan Persekutuan perkara 7(1)

Idham Abd Ghani (Timbalan Pendakwa Raya) (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.
Hussin Othman (Hussin Othman & Co) bagi pihak tertuduh.

Mohd Zawawi Salleh PK:

PENDAHULUAN

[1] Encik Karthiselvam a/l Vengatan, orang kena tuduh ('OKT') dalam kes ini, pada mulanya telah dituduh melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Venkatachalam a/l Murugesan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Pada hari kes ini ditetapkan untuk perbicaraan pada 14 Januari 2008, pihak timbalan pendakwa raya ('TPR') terpelajar telah mengemukakan pertuduhan pilihan iaitu suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN PILIHAN

[2] Pertuduhan pilihan yang dikemukakan terhadap OKT ialah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 6 Mac 2005 antara pukul 3 pagi hingga 7.45 petang di kedai gunting No 27, Jalan Sri Bahagia 5, Taman Sri Bahagia, Larkin, di dalam Daerah Johor Bahru dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah menyebabkan kematian VENKATACHALAM A/L MURUGESAN (PASPORT NO E 3247345) dengan niat menyebabkan kecederaan tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematiannya, dan dengan itu kamu telah melakukan homosid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[3] OKT telah membuat pengakuan bersalah kepada pertuduhan pilihan di atas dan memahami sifat dan akibat pengakuan beliau. Pengakuan bersalah OKT telah disahkan oleh peguambela terpelajar yang mewakili OKT.

FAKTA KES

[4] Fakta kes (eksh P4) yang dikemukakan oleh TPR terpelajar menunjukkan perkara-perkara yang berikut:

(1) Pada 6 Mac 2005 jam 7.45 malam, RF 103793 Kamaruddin bin Yahya semasa sedang bertugas di pejabat pertanyaan balai polis Larkin telah menerima panggilan telefon daripada SM 57940 Abd Rahman bin Muslim memaklumkan bahawa terdapat satu kes bunuh berlaku di kedai gunting rambut di Larkin, Johor.

(2) Mayat mangsa dijumpai terbaring di atas katil di ruang dapur dengan berlumuran darah di bahagian kiri kepala yang dipercayai telah dipukul dengan senjata berat dan keras.

(3) Menurut majikan kedai gunting tersebut, Balakrishnan a/l Rajagopal, si mati adalah pekerja di kedai tersebut sejak dua tahun yang lalu manakala tertuduh baru lima hari bekerja di situ. Menurutnya, beliau hanya mengetahui mengenai kematian si mati apabila pergi ke kedai tersebut selepas dimaklumkan oleh adiknya bernama Lingam bahawa kedai didapati tutup.

(4) Norazam bin Mustafa yang tinggal di kedai bersebelahan dengan kedai gunting tersebut mengesahkan ada mendengar bunyi ketukan yang kuat pada dinding dan bunyi grill ditutup dari kedai gunting bersebelahan pada 6 Mac 2005 jam 4.15 pagi.

(5) Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa tertuduh pada 6 Mac 2005 telah mengambil sejumlah wang dari laci di mana hasil jualan disimpan dan telefon bimbit milik si mati sebelum keluar minum di *Bum Bum Pub*. Pada jam lebih kurang 3 pagi, apabila tertuduh balik ke kedai gunting tersebut, tertuduh telah memukul kepala si mati yang sedang tidur dengan menggunakan lesung batu sebanyak empat kali kerana risau si mati mengetahui apa yang telah dilakukan oleh tertuduh.

(6) Tertuduh telah ditangkap pada 8 March 2005 dan hasil soal siasat yang dijalankan, tertuduh mengakui melakukan perbuatan tersebut.

(7) Ujian DNA yang dijalankan mengesahkan bahawa darah yang terdapat pada seluar yang dipakai tertuduh adalah sama dengan kumpulan darah si mati.

(8) Bedah siasat yang dijalankan oleh Dr Shahidan bin Mohd Noor, Pakar Patologi Forensik, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru telah mendapati bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh *head injury* seperti yang dinyatakan di dalam laporan bedah siasat.

[5] Ekshibit-ekshibit yang berikut telah dikemukakan oleh TPR terpelajar:

(a) laporan polis Larkin 001052/05 (eksh P5);

(b) 'Post Mortem Examination Report on Venkatachalam Murugesan' yang disediakan oleh Dr Shahidan bin Md Noor (eksh P6);

(c) laporan kimia bertarikh 22 November 2005 (eksh P7); dan

(d) sebuah lesong batu (eksh P8).

[6] Fakta dan ekshibit-ekshibit kes ini telah diakui sebagai benar oleh OKT dan juga disahkan oleh peguambela terpelajar. Mahkamah telah menerima pengakuan bersalah tersebut dan OKT telah didapati bersalah dan disabitkan.

A RAYUAN PERINGANAN HUKUMAN

[7] Tuan Hj Hussin Othman, peguambela terpelajar, dalam rayuan untuk meringankan hukuman telah mengemukakan faktor-faktor peringanan yang berikut:

B

(1) OKT telah mengaku bersalah sebaik sahaja peluang terawal diberikan kepadanya apabila TPR terpelajar telah mengemukakan pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Pengakuan bersalah ini dapat menjimatkan masa semua pihak yang terlibat terutama saksi-saksi dan mahkamah. la juga menunjukkan OKT telah insaf dan menyesal atas perbuatannya;

C

(2) Pada masa kejadian, OKT berumur 29 tahun dan bekerja sebagai tukang gunting bersama-sama dengan si mati. Mereka sebenarnya adalah merupakan rakan sekerja dan kawan baik;

D

(3) Semasa kejadian, OKT adalah merupakan pencari nafkah tunggal keluarganya dan menyara kedua-dua ibu bapanya;

(4) Kedua-dua ibu bapa OKT sedang mengalami pelbagai penyakit;

E

(5) OKT tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu. Oleh itu, OKT ialah pesalah pertama; dan

(6) Minta supaya hukuman yang seringan-ringannya dijatuhkan terhadap OKT.

F

[8] OKT sendiri telah memohon kepada mahkamah untuk menyatakan perkara-perkara yang berikut:

G

(1) Beliau sangat menyesal di atas apa yang telah beliau lakukan;

(2) Telah terjadi selisih faham antara beliau dan si mati berhubung dengan kerja yang dilakukan oleh si mati; dan

(3) Beliau ditangkap pada 8 Mac 2005. Oleh itu, memohon supaya tarikh hukuman penjara berkuatkuasa dari tarikh beliau ditangkap.

H

RAYUAN PEMBERATAN HUKUMAN

I

[9] Encik Idham Abdul Ghani, TPR terpelajar, memohon mahkamah mengambil kira faktor-faktor yang berikut semasa menjatuhkan hukuman:

(1) Si mati ialah seorang warganegara India. Dia datang ke Malaysia untuk mencari penghidupan yang lebih baik tetapi telah berakhir dengan kematian yang kejam. Dia dibunuh semasa dia sedang tidur;

(2) OKT ialah rakan sekerja si mati yang telah mengambil kesempatan untuk mencuri wang dan telefon bimbit milik si mati;

(3) Tindakan OKT memukul kepala si mati sebanyak empat kali dengan lesung batu (eks P8) ialah suatu perbuatan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan;

(4) Kesalahan membunuh sangat berleluasa di Negeri Johor. Oleh itu, hukuman yang memberi kesan pencegahan/berat perlu dijatuhkan;

(5) Kepentingan awam perlu diberi keutamaan dan ia mengatasi segala faktor mitigasi yang lain; dan

(6) Memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya terhadap OKT.

HUKUMAN

[10] Selepas meneliti fakta dan keadaan yang wujud dalam kes ini dan setelah memberi pertimbangan kepada penghujahan peguambela dan TPR terpelajar, mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh tangkap.

[11] Pendakwa Raya Malaysia tidak berpuas hati terhadap hukuman tersebut dan merayu kepada Mahkamah Rayuan.

ALASAN PENGHUKUMAN OLEH MAHKAMAH

[12] Pada permulaannya, barangkali sesuai untuk dinyatakan bahawa walaupun beban untuk membuktikan sesuatu kesalahan adalah terletak atas pihak pendakwaan, namun tugas untuk menentukan hukuman yang sesuai adalah terletak kepada mahkamah. Kedua-dua pihak pendakwa dan pembela boleh membantu mahkamah dengan memajukan hujah-hujah berhubung dengan keputusan tetapi keputusan muktamad dan hukuman yang akan dikenakan adalah terletak sepenuhnya dalam bidang kuasa mahkamah. Perkara ini kerapkali diulangi oleh mahkamah kerana ia selalu dilupakan oleh banyak pihak. Dalam hubungan ini, Hakim Wan Yahya berkata dalam kes *New Tuck Shen v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 27 di ms 29:

> The right to impose punishment on a guilty party is absolutely the discretion of the court. It will exercise that power judicially but will not tolerate any encroachment or even semblance of encroachment either by the prosecution or the defence in respect of such right.

[13] Memandangkan undang-undang hanya menetapkan hukuman maksimum bagi kesalahan tertentu, misalnya, hukuman bagi kesalahan yang

A boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan, mahkamah mempunyai budi bicara untuk memutuskan, dalam lingkungan hukuman maksimum tersebut, hukuman yang sesuai untuk setiap penjenayah dalam setiap keadaan kes tertentu. Mahkamah juga mempunyai hak untuk sama ada untuk bertindak secara lembut atau tegas. Dalam hubungan ini, bahagian relevan
B dalam penghakiman Hakim Hilbery dalam kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 sering dipetik oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia:

> Our law does not, therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that
C maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, *the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe.* (Emphasis added.)

D **[14]** Budi bicara kehakiman ('judicial discretion') telah ditafsirkan sebagai 'degree of freedom [vested in the sentencer] to decide sentence'. (Lihat *The Concise Oxford Dictionary of Current English, Oxford University Press*, (7th Ed, 1982). Oleh kerana penghukuman melibatkan pelaksanaan budi bicara kehakiman mahkamah bicara, Mahkamah Rayuan hanya akan campur
E tangan hanya jika ia berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan itu gagal memenuhi prinsip yang betul. Prinsip ini telah menjadi undang-undang yang mantap. Dalam kes *Rex v Leo De Cruz* [1935] MLJ 1, Ketua Hakim Huggard berkata di muka surat yang sama:

F > In regard to appeal against sentence it has been laid down that the court will not interfere with the sentence, unless the judge has proceeded on wrong principles or given undue weight to some of the evidence.

Dalam kes *Rex v Teo Cheng Lian* [1949] MLJ 170, Gordon-Smith J berkata di ms 171:

G

> There must be a manifest error either in law or in considering the facts and circumstances of the case or an omission to consider such facts and circumstances, before the higher court interferes with the discretion undoubtedly vested in the lower court.

H

Ringkasan mengenai kedudukan perkara ini telah dinyatakan oleh penulis terpelajar, Tan Kee Heng dalam buku *Civil and Criminal Appeal in Malaysia* di ms 191–192 seperti yang berikut:

I > ... the appellate court is ready to interfere with the sentence imposed by the trial court upon proof of one or more of the following circumstances: (a) The sentence imposed by the trial court was manifestly excessive or inadequate, (b) There is a manifest error either in law or in considering the facts and circumstances of the case, (c) The sentence passed by the trial court is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances, (d) The

trial court has given undue weight to some of the evidence, (e) The trial court, in fixing the sentence, had failed to adequately consider all the relevant factors either for or against the offender, (f) The sentence was wrong in law. (g) The unsatisfactory features of the proceedings in the lower court, (h) The charge has been hanging over the accused's head for a considerable period, (i) Justice does not appear to have been done.

[15] Suatu perkara yang berkait rapat dengan pelaksanaan budi bicara kehakiman dalam menjatuhkan hukuman ialah terdapatnya keanjalan ('flexibility') untuk menjatuhkan hukuman yang sesuai berdasarkan kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. KP Gengadharan Nair PK berkata dalam kes *Public Prosecutor v Jesicca Lim Lu Ping & Anor* [2004] MLJU 159:

Despite decades of sentencing by the Malaysia courts no golden rule has yet evolved in the sentencing of accused persons following a conviction in criminal cases. Neither have the courts evolved a cast iron formula to be followed in sentencing. However, there has always been a general flexible principle that all courts have a flexible and free discretion to be exercised judicially and with a judicial conscience in deciding the period in which a guilty criminal will be incarcerated in prison.

[16] Secara umumnya, duluan ('precedent') tidak memainkan peranan yang penting dalam penghukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah. Penulis terpelajar, Christopher J Emmims, di dalam bukunya *A Practical Approach to Criminal Procedure* (3rd Ed), berkata di ms 271:

It should, however, be emphasised that precedent plays a relatively small part in sentencing. This is for three reasons. First, the truism that every case turns upon its own facts is never truer than in the context of sentencing. No two offenders and no two offences are ever precisely the same, whatever the similarities between them. Therefore, if told about a Court of Appeal decision in a comparable case, a judge can always find a reason for distinguishing it if he so chooses.

[17] Perkara yang hampir sama telah dinyatakan oleh Ketua Hakim Yong Pung How (Singapura) dalam kes *Soong Hee Sin v Public Prosecutor* [2001] 2 SLR 253:

Any attempt to reduce the law of sentencing into a rigid and inflexible mathematical formula in which all sentences are deemed capable of being tabulated with absolute scientific precision will be highly unrealistic the regime of sentencing is a matter of law which involves a hotchpotch of such varied and manifold factors that no two cases can ever be completely identical in this regard. Whilst past cases are no doubt helpful and sometimes serve as critical guidelines for the sentencing court, that is also all that they are ie, mere guidelines only. At the end of the day, every case which comes before the courts must be looked at on its own facts, each

A particular accused in his own circumstances, and counsel be kept constantly and keenly apprised of the fact that it is just not possible to categorise cases based simply on mere numerals and decimal points.

B **[18]** Walaupun keputusan-keputusan mahkamah terdahulu mengenai hukuman tidak mengikat, namun pada pandangan mahkamah ini, keputusan-keputusan tersebut boleh dijadikan panduan bagi mewujudkan kekonsistenan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah-mahkamah terkemudian bagi kesalahan berkenaan. Ketidakseimbangan hukuman ('disparity in sentences') akan membawa kesan yang tidak baik dan boleh C menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap pentadbiran keadilan jenayah di negara ini. Perkara ini dapat dikesan daripada beberapa tulisan oleh pengamal undang-undang, antara lain, seperti yang berikut:

D Disparity in sentencing is sometimes taken to mean the result of malpractice. In the eyes of the man on the street or the convicted offender, the sentencer has overlooked or ignored established principles of sentencing; the courts practice a lack of consistency and therefore injustice, prejudice and unfairness. The effects of disparity are obvious. It potentially undermines public confidence in the criminal justice system. As prisoners who have committed similar offences may tend to E compare the sentences they have received, the disparity in sentences may create a sense of injustice and resentment in prisoners who receive harsher sentences than others in similar situations. This may have a seriously demoralising and an anti-rehabilitative effect on them. It is therefore unsurprising that various jurisdictions such as Great Britain and Australia have expressed concerns over the lack of uniformity in sentencing.

F (Lihat Mah Weng Kwai, *Sentencing Principles — Judicial Discretion and Mandatory Sentences* [INSAF (2001) XXIX No I, ms 50–65]).

G **[19]** Hukuman yang diputuskan oleh kes-kes terdahulu juga boleh dijadikan panduan untuk menentukan trend polisi penghukuman. Dalam hubungan ini, Mohamed Azmi HMA berkata dalam kes *Mohammed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167, di ms 170:

H In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed, secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and, fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

I **[20]** Dalam kes ini, sebelum menjatuhkan hukuman terhadap OKT, saya telah mengambilkira beberapa faktor untuk memastikan agar hukuman

tersebut mencakupi ruang lingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang sedia ada:

(a) *Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan*

Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan yang terpakai dalam kes ini ialah seperti yang berikut:

> 304 Punishment for culpable homicide not amounting to murder
>
> Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished
>
> (a) with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or of causing such bodily injury as is likely to cause death; or

[21] Memandangkan kesalahan ini dilakukan pada 6 Mac 2005, Akta A1210 yang antara lain telah menambahkan hukuman penjara dari 20 tahun kepada 30 tahun bagi kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan adalah tidak terpakai kerana Akta tersebut hanya mula berkuatkuasa pada 6 Mac 2007 sebagaimana yang disiarkan dalam Warta PU (B) 67/2007 bertarikh 5 Mac 2007. Pindaan ini tidak boleh berkuatkuasa kebelakang (retrospective in operation') kerana perkara 7(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

> 7(1) No person shall be punished for an act or omission which was not punishable by law when it was done or made, and no person shall suffer greater punishment for an offence than was prescribed by law at the time it was committed.

[22] Keputusan di atas diperkukuh dengan pandangan yang telah diberikan oleh Hakim Edgar Joseph Jr (sebagaimana dia ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Ismail* [1984] 2 MLJ 219. Di dalam kes ini, tertuduh telah dituduh dengan suatu kesalahan mengedar dadah berbahaya yang berlawanan dengan s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Tertuduh telah didapati bersalah. Pada hari di mana tertuduh didapati bersalah, s 39B(1) ADB telah dipinda dengan memperuntukkan hukuman mati mandatori ke atas semua kes mengedar dadah yang berlawanan dengan seksyen tersebut. Sebelum pindaan tersebut, mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk menghukum tertuduh dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup. Di ms 220, hakim berkata:

> Upon these facts, the short point of law involved appeared to be, 'what is the material date for determining sentence for such offences, is it the date of the offence or the date of the conviction?' The question is as simple as that; an interval of time, in the context of legal history, as fine as a hair, but, at first sight, as deep as a grave ...

A Clearly, the sub-section deals not with criminal liability but with the penalty which must be inflicted once such liability is established following trial or, alternatively, once the accused pleads guilty to the charge concerned. It is at that moment, that is, the moment of conviction, that the sub-section is activated.

I therefore take the view that purely as a matter of construction, and considered by
B itself, the sub-section in the form it now takes is open to only one reasonable construction, namely, that it is the date of conviction which is the relevant date for purposes of sentencing.

Seterusnya di muka surat yang sama dan ms 22 beliau berkata:

C That, however, is not the end of the matter because art 7(1) of our Constitution provides as follows: 'No person shall be punished for an act or omission which was not punishable by law when it was done or made, and no person shall suffer greater punishment for an offence than was prescribed by law at the time it was committed'.

D Now, it is clear beyond peradventure that the subsection in the form it now takes was enacted after the commission of the offence and, so far as cases such as this are concerned, plainly violates art 7(1). Once again, I am fortified in this view by another passage in the judgment of Lord Diplock in *Baker*'s case which reads as follows:

E ... So far as they related to penalties for criminal offences, they are directed to invalidating laws passed after an offence has been committed which increase retrospectively the penalty that may be imposed for that offence. (Emphasis added.)

F The subsection, assuming it operates retrospectively, is clearly a law which comes within the striking range of art 7(1) and I would accordingly hold that it is invalidated so far as cases where the offence was committed prior to the date of its coming into force are concerned. It follows, therefore, that I have a discretion here in the matter of sentence, since the subsection in the form it took prior to the amendment is what applies.

G

[23] Polisi penghukuman dan tempoh pemenjaraan yang wajar dikenakan terhadap pesalah yang melakukan suatu kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan (yang belum dipinda) telah dijelaskan secara terperinci oleh
H Hakim Visu Sinnadurai dalam kes *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 seperti yang berikut:

There is a dearth of reported cases on this point. However, in *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 174 Raja Azlan Shah FJ (as he then was) in delivering the judgment of the Federal Court, imposed a ten-year imprisonment
I on each of the appellants for a similar offence. His Lordship said:

We set aside the convictions for murder, and substitute them with one under the first part of s 304 of the Penal Code read with s 34 of the Penal Code and sentenced each of the appellant to the years' imprisonment effective from their dates of arrest.

It should however be noted that in that case, the accused had pleaded not guilty to a charge of murder under s 302, read with s 4 of the Penal Code.

Except for *Public Prosecutor v Lee Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155 no other Malaysian case was drawn to the court attention where an accused had pleaded guilty on a charge of culpable homicide under the first limb of s 304, *Lee Say*'s case however, is not very helpful to the present case as the court in that case appears to have based its decision on the main ground that firearms were used in the commission of the offence. Therefore, the recent Singapore decision in *Public Prosecutor v Chot Saik Kam* [1991] 1 MLJ 193 is of some relevance. In this case, the High Court imposed a ten-year (maximum being life imprisonment) sentence for a similar offence to that which the six accused in the present case had pleaded guilty. In that case too, the accused pleaded guilty to a charge of culpable homicide (s 304(a) of the Singapore Penal Code). In *Public Prosecutor v Tay Chuan Beng & Anor* [1989] 1 MLJ 403, the High Court of Singapore in another case on culpable homicide, imposed an eight-year imprisonment for an offence under s 304 of the Singapore Penal Code. In that case too, both the accused pleaded guilty.

It therefore appears that the practice in Malaysia and Singapore, as a general rule, is to impose an eight to ten-year term of imprisonment for a similar offence the Federal Court in *Tham Kai Yau* imposing a ten-year imprisonment where the accused had pleaded not guilty to a charge of murder and subsequently found guilty under the first limb of s 304; the Singapore High Court imposing an eight-year term of imprisonment in *Tay Chuan Beng* and a ten-year imprisonment in *Chot Saik Kam*.

[24] Polisi penghukuman dan tempoh hukuman penjara yang wajar dikenakan di dalam kes di atas telah diikuti oleh banyak kes-kes yang diputuskan kemudiannya, antara lain, *Public Prosecutor v Nazarudin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9 (OKT 1–8 tahun; OKT 2–9 tahun dan OKT 3–5 tahun], *Public Prosecutor v Soh Soo Yang & Anor* [2001] 5 MLJ 356 [OKT 1–13 tahun dan OKT 2–9 tahun], *Pendakwa Raya lwn Noor Hafidah Yeop Mat Isa dan lain-lain* [2007] 4 MLJ 478 [OKT 1–7 ½ tahun dan OKT 2–11 tahun], *Public Prosecutor v Tai You Choy* [1982] CLJ 687 (Rep) [8 tahun], *Public Prosecutor v Wong Wei Choon* [2007] MLJU 164 [8 tahun]; dan *Public Prosecutor v Chan Akau* [2000] 4 MLJ 471 [10 tahun]. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana hukuman penjara yang dikenakan adalah lebih berat, antara lain, *Pendakwa Raya lwn Ooi Kwang Lai* [2000] 6 MLJ 622 [15 tahun], *Pendakwa Raya lwn Abdul Rani bin Abdul Talib* [2002] 6 MLJ 305 [14 tahun]; *Ganesan a/l Nachiappan & Ors v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 244 [14 tahun] dan *Pendakwa Raya lwn Che Hassan bin Senawai* [2005] 7 MLJ 357 [19 tahun].

[25] Oleh itu, di dalam kes di hadapan mahkamah, hukuman 13 tahun penjara yang dikenakan ke atas OKT nampaknya termasuk dalam kategori kes-kes di mana hukuman penjara yang lebih berat dikenakan bagi kesalahan

di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan berbanding dengan hukuman antara lapan hingga sepuluh tahun.

(b) *Kepentingan awam*

Kepentingan awam merupakan salah satu faktor utama yang diambil kira di dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Hilbery J di dalam kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 telah menekankan di dalam penghakiman beliau mengenai betapa pentingnya mengambilkira faktor kepentingan awam di dalam menjatuhkan hukuman. Pandangan oleh Hilbery J ini telah diikuti oleh mahkamah kita di dalam beberapa kes (sila lihat *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *Public Prosecutor v Darmalingam* [1987] 2 MLJ 519; *Public Prosecutor v Tia Ah Leng* [2000] 5 MLJ 401). Kepentingan awam menghendaki agar hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja boleh menjadi pengajaran kepada tertuduh dan mencegah beliau dari melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan tetapi juga untuk mencegah lain-lain anggota masyarakat dari melakukan kesalahan yang serupa. Walaupun demikian faktor ini adalah bergantung kepada keadaan sesuatu kes itu. Wan Yahya H (seperti beliau pada masa itu) di dalam kes *New Tuck Shen v Public Prosecutor* telah menjelaskan seperti berikut di ms 30–31:

> Public interest varies according to time, place and circumstances of each case including its nature and prevalence. What may be of public interest in one place may differ from another. Similarly, inducement to turn from criminal ways into honest living can take several forms and will have to depend to a greater extent on the attitude of the offender and his suitability for any particular type of reformation.

(c) *Prinsip berpadan/kesetimpalan dalam penghukuman ('Proportionality in sentencing')*

Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang dijatuhkan hendaklah setimpal dan berpadan dengan kesalahan yang telah dilakukan. Adalah tidak syak lagi bahawa OKT di dalam kes ini telah melakukan suatu kesalahan yang serius di mana dia telah memukul si mati dengan lesong batu sebanyak empat kali ketika si mati sedang tidur. Perbuatan OKT tersebut telah menyebabkan satu nyawa insan yang tidak berdosa telah melayang. Walau bagaimanapun, fakta dan keadaan yang wujud di dalam kes ini, dalam apa-apa keadaan sekali pun, tidak menunjukkan bahawa ia adalah merupakan 'worst possible example' dan melibatkan 'worst offender' bagi kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan yang memerlukan hukuman maksimum atau lebih berat daripada hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah dikenakan ke atas OKT. Hukuman maksimum patut dikhaskan untuk kes paling buruk bagi kesalahan yang terlibat (lihat kes *R v Smith* [1975] Crim LR 468;

R v Ambler [1976] Crim LR 266]. Dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee*, Mohamed Azmi HMA berkata di ms 170:

> The fact that a sentence of imprisonment is imposed as a deterrence does not justify the sentencer in passing a sentence of greater length than what the facts of the offence warrant.

Secara ringkasnya, prinsip berpadan/kesetimpalan dalam penghukuman menghendaki 'severity of the sentence must be proportionate to the seriousness of the crime'.

Di dalam kes ini, mahkamah bertanya kepada diri sendiri sama ada hukuman 13 tahun penjara yang dikenakan terhadap OKT itu adalah setimpal dan berpadan dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT berdasarkan kepada semua keadaan dan fakta yang wujud di dalam kes ini. Mahkamah berpuashati dan tidak mempunyai apa-apa keraguan bahawa jika dilihat secara seimbang antara kepentingan awam dan kepentingan OKT, hukuman yang telah dijatuhkan itu adalah tidak terlalu berat atau ringan tetapi sesungguhnya berpadan/setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan. Dengan perkataan lain, hukuman tersebut adalah 'just and appropriate' dalam keadaan dan fakta kes ini.

(d) *Pengakuan bersalah OKT*

Mahkamah juga turut mengambilkira beberapa faktor lain seperti pengakuan bersalah OKT dan rayuan untuk meringankan hukuman. Pengakuan bersalah tertuduh merupakan satu faktor yang lazimnya diambil kira oleh mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. Telah menjadi prinsip undang-undang yang diterima pakai bahawa pengakuan bersalah adalah merupakan satu faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. OKT seharusnya diberi diskaun kerana pengakuan salahnya telah menjimatkan masa dan kos. Mohamed Azmi HMA di dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* di ms 171 telah menyatakan:

> ... It is generally accepted that the extent of the reduction on account of a plea of guilty would be between one-quarter and one-third of what otherwise would have been the sentence.

Walaupun demikian, diskaun untuk pengakuan bersalah ini hanyalah merupakan satu kenyataan bersifat peraturan yang umum sahaja dan bukannya satu kemestian untuk semua kes. Pengakuan bersalah ini hanya boleh memihak kepada OKT apabila faktor-faktor lain dan keadaan di mana sesuatu kesalahan itu dilakukan mengizinkan pertimbangan sedemikian diberikan kepada OKT. Mahkamah menyedari bahawa tidak ada peraturan yang menyatakan sesuatu pengakuan bersalah itu akan secara automatik membolehkan OKT

mendapat hukuman yang lebih ringan. Kadangkala di dalam kes-kes tertentu, faktor kepentingan awam mengatasi segala faktor mitigasi yang diberikan dari pengakuan salah tertuduh. Lord Lane CJ di dalam kes *Sharon Elizabeth Costen* (1989) 11 Cr App R(S) 182 telah menyatakan (di ms 184):

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.

Dalam kes ini, OKT telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda. Kesalahan yang dilakukan oleh OKT adalah serius. Namun demikian, saya tetap juga mengambil kira faktor-faktor pengakuan bersalah OKT kerana tidak terdapat apa-apa alasan yang kukuh untuk menafikan OKT faedah tersebut. Tambahan pula adalah menjadi polisi mahkamah untuk menggalakkan orang yang dituduh yang melakukan kesalahan membuat pengakuan bersalah bagi menjimatkan masa dan kos semua pihak yang terlibat di dalam kes ini terutama saksi-saksi. Kredit dan diskaun ini akan diberi walaupun terhadap penjenayah yang tegar dan tidak berhati perut sekalipun (*Public Prosecutor v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74).

Mahkamah perlu juga mengambil perhatian bahawa tidak ada mana-mana faktor mitigasi boleh diketepikan begitu sahaja tetapi hendaklah dipertimbangkan dalam perspektif yang betul bagi membuat perimbangan yang tepat atas neraca keadilan. Seperti yang dikatakan oleh Hakim Hashim Yeop Sani (sebagaimana dia ketika itu) dalam kes *Raja Izzuddin Shah v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 270:

> No plea in mitigation should be thrown aside lightly but must be examined and considered equally with the facts presented by the prosecution. Both aspects of the case must be considered in their true perspective so as to strike if possible, a true balance in the scale of justice.

(e) *OKT adalah pesalah pertama*

Adalah juga diterima bahawa pesalah pertama patut menerima pengurangan hukuman bagi kesalahan. 'The leniency accorded to a first offender recognises human fraility and yet shows respect for the offender as a rational individual, capable of responding to the unsure inherent in the sentence imposed', (lihat *Mallal's Criminal Procedure* (6th Ed), ms 4399).

> Adalah tidak syak lagi bahawa undang-undang menghendaki pesalah pertama dikendalikan secara berlainan dengan pesalah-pesalah yang mempunyai rekod sabitan kesalahan yang lalu. Sekiranya tidak, proses penghukuman akan bersifat mekanikal.

[26] Timbalan pendakwa raya terpelajar menghujahkan bahawa hukuman yang memberi kesan pencegahan dan berat perlu dikenakan ke atas OKT kerana kesalahan bunuh adalah berleluasa di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, tidak ada apa-apa perangkaan, keterangan atau penyelidikan telah dikemukakan bagi menyokong pernyataan tersebut. Terdapat banyak nas atau autoriti yang membolehkan mahkamah mengambil perhatian kehakiman terhadap berleluasanya sesuatu jenis jenayah di sesuatu tempat atau negeri. Lihat kes-kes, antara lain, *Lee Chow Meng v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 287; *Public Prosecutor v Rajandran & Anor* [1985] 2 MLJ 260; *Ong Lai Kim v Public Prosecutor and other appeals* [1991] 3 MLJ 111; *Public Prosecutor v Mustapha bin Abdullah* [1997] 2 MLJ 424 dan *Public Prosecutor v Muhamad Abdul Rahim bin Adnan & Anor* [2007] MLJU 519; [2007] 9 CLJ 672. Walau bagaimanapun, sebagai suatu langkah berhati-hati dan berhemah, perhatian kehakiman tersebut perlu disokong dan dibuktikan oleh perangkaan dan penyelidikan yang berkaitan. Adalah tidak selamat dan wajar untuk menjatuhkan sesuatu hukuman yang lebih berat ke atas seseorang pesalah dengan semata-mata bergantung kepada fakta atau pernyataan yang tidak dibuktikan atau tidak mempunyai asas tertentu bagi menentukan kesahihannya. Dalam hubungan ini, dengan hormat, saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Abdul Hamid Sultan PK dalam kes *Leken @ Delem ak Gerik (M) v Public Prosecutor* [2007] 3 MLJ 730 apabila dia berkata:

> It is unsafe for the courts on its own volition to accept unproved facts or to accept statements by the prosecution without proper evidence or statistics having been led for purpose of imposing a severe sentence. To put it briefly, courts should not entertain any statements without proof in criminal prosecution. In criminal trials, there must be an absolute element of fairness to the accused in all aspects, not only within the letters of the law but also in spirit because any form of infringement on the subject's liberty may be seen to be a constitutional violation pursuant to several articles of the Federal Constitution.

[27] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang telah dijatuhkan terhadap OKT di dalam kes ini adalah dalam ruang lingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang yang sedia ada. Hukuman tersebut tidaklah secara nyata tidak memadai atau tidak mengambilkira kepentingan awam atau keseriusan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT. Sebaliknya, hukuman tersebut adalah adil, saksama dan berpadan/setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan. Perimbangan yang wajar telah dibuat antara

kepentingan awam dan kepentingan OKT mengikut neraca keadilan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Memerintahkan yang sewajarnya.

Reported by Andrew Christopher Simon